



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 3 TAHUN 2006**

Elaun Perjalanan Kenderaan

Tujuan

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar bayaran tuntutan perbatuan bagi Elaun Perjalanan Kenderaan bagi seseorang pegawai menuntut elaun atas tugas-tugas rasmi di dalam Pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

Latar Belakang

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 8 Mac 2006 dan disahkan pada 15 Mac 2006 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2006 Elaun Perjalanan Kenderaan iaitu meminda kadar Elaun Perjalanan Kenderaan di perenggan 4.7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003 dan perenggan 4.8.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2003.

Kadar Bayaran

3. Kadar bayaran bagi tuntutan perjalanan perbatuan untuk pegawai-pegawai kerajaan dalam pentadbiran negeri ditetapkan seperti berikut:-

| Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan | Kelas | | | | |
|--|--------------|----------|----------|----------|----------|
| | A | B | C | D | E |
| | (sen/km) | | | | |
| 500 kilometer pertama | 70 | 60 | 50 | 45 | 40 |
| 501 - 1,000 km | 65 | 55 | 45 | 40 | 35 |
| 1,001 - 1,700 km | 55 | 50 | 40 | 35 | 30 |
| 1,701 km dan seterusnya | 50 | 45 | 35 | 30 | 25 |

4. Tarikh Kuatkuasa

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tuntutan bagi bulan Februari 2006.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(KAMARUDIN BIN MOHAMAD SA'AD)

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri,
b.p. Pegawai Kewangan Negeri,
Pulau Pinang.

Tarikh : Mac 2006

s.k. Y.A.B. Ketua Menteri,
Pulau Pinang.

Y.B. Setiausaha Kerajaan,
Pulau Pinang.